

## BAB II

### PENGENALAN DR. YUSOF AL-QARDAWI

#### 2.1 PENDAHULUAN

Dr. Yusof al-Qardawi adalah sinonim dengan ilmuwan kontemporari yang sering memberikan pandangan dan pendapat serta fatwa semasa bagi permasalahan umat Islam sedunia. Pandangan serta pendapat beliau sentiasa mendapat perhatian dan rujukan seluruh umat Islam sedunia.

Latarbelakang kehidupan beliau sejak kecil lagi telah bergelumang dengan dunia ilmu hingga sekarang. Beliau sentiasa sibuk dengan dunia ilmu dan menjelajah ke serata dunia dalam mengembangkan ilmu melalui pelbagai media samada seminar, lawatan ilmiah, ceramah, laman web serta rancangan di radio dan sebagainya.

Ringkasnya, beliau adalah seorang yang sangat masyhur dengan sumbangannya dalam bidang ilmu Islam samada melalui media cetak mahupun media elektronik. Kunjungilah laman web beliau di alamat <http://www.qaradawi.net> yang telah dibangunkan untuk kemaslahatan dan kepentingan umat Islam sedunia, sesuai dengan kepentingannya terhadap seluruh umat Islam sedunia.

## 2.2 KELAHIRAN DAN KEHIDUPAN

Nama penuh beliau adalah Yusof<sup>4</sup> Abdullah al-Qardawi. Beliau dilahirkan pada 9 September 1926M bersamaan 1344H di Saft Turab<sup>2</sup>, daerah Barat Mesir. Beliau dilahirkan dari kalangan keluarga petani miskin yang amat patuh dan taat kepada ajaran Islam dan syariat Allah s.w.t.<sup>3</sup>

Belumpun berusia 10 tahun, beliau telah dimuliakan Allah s.w.t kerana berjaya menghafaz keseluruhan al-Qur'an dan memahami ilmu tajwid dengan sempurna. Beliau mengikuti kelas al-Quran di sebuah kampung bernama *Kuttab*. Ini adalah saranan dan sifat prihatin dari bapa saudaranya daripada keluarga bapanya yang menjaga kebajikan beliau setelah kematian bapanya semasa beliau berusia 2 tahun. Bermula daripada kejayaan pertama inilah ahli keluarganya menggelarkannya dengan *syaykh*.<sup>4</sup>

## 2.3 PENDIDIKAN

Dr. Yusof al-Qardawi mendapat pendidikan awal di Institut Pengajian Agama Peringkat Rendah dan Menengah di Tanta selama sembilan tahun, beliau kemudiannya menyambung lagi pengajian di peringkat ijazah di Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar. Beliau telah dianugerahkan ijazah kelas pertama daripada seramai 180 orang pelajar pada tahun 1953.

---

<sup>2</sup> tempat pengbumian sahabat Rasulullah s.a.w yang terakhir di Mesir iaitu Abdullah bin Al-Harith

<sup>3</sup> Ahmad 'Abd. Al-Latif al-Jada' dan Husni Adham Jarar (1978), *Shu'ara' al-Da'wah al-Islamiyyah fi al-Asr al-Hadith*. Beirut : Muassasah al-Risalah, h. 5

<sup>4</sup> Dr. Yusof al-Qaradawi, <http://www.ims.uwindsor.ca/~azhar/BIOGRAPHY/SCHOLARS/Qaradawi.html>, 5 Mac 2002 dan lihat <http://www.qaradawi.net>, 5 Mac 2002

Pada tahun 1954, beliau mengikuti pengajian Ijazah Pendidikan dan memperolehi Ijazah Pendidikan daripada Fakulti Bahasa Arab. Beliau muncul sebagai pelajar terbaik Ijazah Kelas Pertama daripada 500 orang pelajar yang mengikuti pengajian tersebut.

Kemudian pada tahun 1958, beliau memperolehi Diploma Pendidikan Bahasa dan Sastera dari Pusat Pengajian Arab Tinggi. Beliau kemudiannya ditawarkan ke program sarjana di Jabatan Sains Al-Qur'ān dan Al-Sunnah, Fakulti Usuluddin. Sekali lagi beliau muncul sebagai pelajar tunggal yang berjaya lulus ujian persediaan dan akhirnya menamatkan pengajian ijazah sarjananya pada tahun 1960.

Beliau tidak merasa cukup dengan ilmu dan ijazah yang beliau perolehi dan pada tahun 1960, beliau memulakan persediaan untuk ijazah kedoktorannya dengan tajuk tesisnya "*Al-Zakāt wa Atharuha fī Hill al-Mashākil al-Ijtima'yah*". Akan tetapi beliau hanya berjaya menyelesaikan ijazah tertinggi itu dengan cemerlangnya tiga belas tahun kemudian disebabkan oleh keadaan huru-hara di Mesir pada masa tersebut.<sup>5</sup>

## 2.4 KELUARGA

Dr. Yusof al-Qardawi telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata, tiga orang putera dan empat orang puteri.

---

<sup>5</sup> Ahmad 'Abd. Al-Latif al-Jada' dan Husni Adham Jarar (1978), *op.cit.*, h. 6 dan lihat <http://www.qaradawi.net>, 5 Mac 2002

Sebagai seorang ulama yang berfikiran terbuka, beliau membebaskan anak-anaknya menuntut ilmu apa sahaja yang sesuai dengan minat dan kecenderungan masing-masing.

Tidak hairanlah, anak-anaknya berkelulusan daripada negara Barat dan bukan di bidang agama sepertinya. Anak lelakinya yang pertama sedang menuntut di peringkat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Teknik Elektronik di Amerika Syarikat.

Manakala anak lelaki yang kedua sedang menuntut di peringkat Ijazah Sarjana di Darul Ulum, Mesir dan yang bungsu sedang menyelesaikan kuliahnya di Fakulti Teknik dalam jurusan Elektrik.<sup>6</sup>

Salah seorang anak perempuannya yang bernama Ilham, mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Nuklear dari Universiti London dan Ijazah Kedoktoran Fizik dari Royal Holloway Collage, London. Sekarang beliau merupakan seorang tenaga pakar yang mengajar pelajaran fizik di Universiti Qatar.<sup>7</sup>

Begitu juga dengan anak perempuannya yang kedua berkelulusan Ijazah Kedoktoran Kimia dan yang ketiga sedang menuntut di peringkat Ijazah Kedoktoran. Manakala yang keempat sedang belajar di Universiti Texas di Amerika Syarikat.

---

<sup>6</sup> Laman Web Hidayatullah, <http://www.hidayatullah.com/sahid/9910/profil.htm>, 5 Mac 2002

<sup>7</sup> Laman Web Dr. Ilham, <http://www.geocities.com/CollegePark/Quad/6786>, 5 Mac 2002

Daripada corak pendidikan anak-anaknya, dapat kita perhatikan bahawa beliau berfikiran terbuka terhadap pendidikan moden yang ditempuhi oleh anak-anaknya. Hanya seorang sahaja anaknya yang mengikuti jejaknya dalam bidang pengajian agama Islam sedang menuntut di Darul Ulum, Mesir.

## 2.5 PEKERJAAN

Dr. Yusof al-Qardawi mula melibatkan diri secara rasmi di alam pekerjaan bermula pada tahun 1951 di Kementerian Waqaf Mesir sebagai Penyelia Hal Ehwal Islam. Sebagai Penyelia Hal Ehwal Islam beliau dipertanggungjawabkan untuk menyelia khutbah dan kuliah di masjid serta sekolah.

Pada tahun 1959, beliau bertugas di Jabatan Kebudayaan Islam Al-Azhar Al-Sharif sebagai penyelia. Kemudian pada tahun 1962, Al-Azhar telah menghantar beliau ke Qatar. Di sana beliau dilantik sebagai Pengarah Institut Pengajian Agama Menengah.

Pada tahun 1973 beliau telah mengasaskan dan mengetuai Jabatan Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan di Universiti Qatar. Empat tahun kemudian beliau mengasaskan pula Fakulti Shariah dan Pengajian Islam di universiti yang sama dan beliau dilantik sebagai dekan fakulti tersebut sehingga sesi pengajian 1989/1990. Kemudiannya beliau bertugas sebagai Ketua Pengarah, Pusat Penyelidikan Al-Sunnah dan Sirah Al-Nabawiyah di universiti tersebut bermula daripada sesi 1990/1991 hingga sekarang.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Ahmad 'Abd. Al-Latif al-Jada' dan Husni Adham Jarar (1978), *op.cit.*, h. 6 - 7

Pada masa kini, Dr. Yusof al-Qardawi diamanahkan dengan beberapa jawatan yang penting di antaranya adalah :

- a. Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah, Pusat Pengajian dan Penyelidikan Islam, Oxford (OCIS).
- b. Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan Al-Sunnah dan Al-Sirah Nabawiyah di Universiti Qatar.
- c. Ahli Majlis Fiqh Liga Islam Sedunia di Makkah.
- d. Pakar Perunding dalam Majlis Fiqh Islam Pertubuhan Persidangan Islam.
- e. Ahli Majlis Diraja Pengkajian Tamadun Islam di Jordan.
- f. Ahli Majlis Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad.
- g. Naib Pengerusi Majlis Syariah Zakat Sedunia di Kuwait.
- h. Anggota Pengasas Majlis Kebajikan Islam Sedunia di Kuwait.
- i. Ahli Majlis Tertinggi Bahagian Pendidikan di Qatar.
- j. Ahli Majlis Organisasi Dakwah Islamiah di Khartum, Sudan
- k. Pengarah Lembaga Pengawasan Syariah di beberapa buah bank Islam.<sup>9</sup> Kemantapan prinsip beliau berpandukan penglibatan beliau dengan semua ini, contohnya isu faedah bank, bayi klon dan pelbagai masalah semasa yang berkaitan dengan pandangan yang dikemukakan oleh beliau.

---

<sup>9</sup> HM AWARD – 1997 RECIPIENT, <http://www.brunet.bn/php/titah/back1.htm>, 5 Mac 2002 dan *Mauqī' al-Qardāwi – Nubzat 'an al-Qardāwi*, <http://www.qaradawi.net>, 29 Mac 2002

## 2.6 TOKOH-TOKOH YANG MEMPENGARUHI HIDUPNYA

*Madrasah al-Ikhwan* dan penggeraknya banyak meninggalkan kesan terhadap kehidupan dan keperibadian beliau. Penggerak utama *Al-Ikhwan* yang banyak memberikan kesan terhadap pemikiran dan kerohanian beliau adalah *Al-Shahid Al-Imam Hasan Al-Banna*. *Al-Banna* adalah pengasas utama bagi pergerakan Islam itu pada kurun ke dua puluh.<sup>10</sup>

Dr. Yusof al-Qardawi pernah menyebutkan tentang sifat *Al-Banna* dengan katanya :

" *Al-Banna* adalah seorang yang benar-benar mengotakan apa yang dikatakannya dan melaksanakan dengan apa yang ditulisnya".

Beliau telah mengarang sebuah buku berkaitan dengan pendidikan serta proses tarbiyyah yang dilakukan oleh Hassan Al-Banna dalam bukunya yang bertajuk *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasat Hasan Al-Banna*.

Walaupun beliau hanya pernah bertemu dengan Imam Hassan Al-Banna dalam beberapa buah majlis sahaja, tetapi kesannya dalam pembinaan dan pembentukan personaliti beliau amatlah besar. Disamping itu, beberapa orang tokoh ulama lagi seperti Syaykh Muhammad al-Ghazali, Syaykh al-Bahiyy al-Kholy, Syaykh Muhammad Adullah Darraz, Syaykh Mahmud Syaltut dan

---

<sup>10</sup> Ahmad 'Abd. Al-Latif al-Jada' dan Husni Adham Jarar (1978), *op.cit.*, h. 7

Syaykh Abdul Halim Mahmud, turut menyumbang dalam pembentukan peribadi beliau.

Antara hasil penulisan dan karangan yang begitu disanjungi oleh beliau seperti penulisan Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan Syaykh Muhammad Rashid Redha.<sup>11</sup>

## 2.7 ANUGERAH

Dr. Yusof al-Qardawi pernah menerima anugerah daripada beberapa buah kerajaan dan juga pertubuhan sebagai tanda penghargaan di atas jasa dan bakti yang telah beliau curahkan.

Di antara anugerah yang dikurniakan kepada beliau adalah :

- a. Anugerah dari Bank Islam pada 1991/1411H di atas usaha beliau menyuburkan ekonomi Islam
- b. Anugerah Raja Malik Faisal pada tahun 1993/1413H
- c. Anugerah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1996.
- d. Anugerah Sultan Hasan Al-Bulqiah, Brunei Darul Salam pada tahun 1997.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Dr. Yusof al-Qardawi, <http://www.ims.uwindsor.ca/~azhar/BIOGRAPHY/SCHOLARS/Qaradawi.html>, 5 Mac 2002

<sup>12</sup> Mauqil' al-Qardawi – Nubzat 'an al-Qardawi , <http://www.qaradawi.net>, 31 Januari 2002

## **2.8 KEGIATAN**

Diperakui umum bahawa Dr. Yusof al-Qardawi adalah seorang alim, pemidato, penulis, penyair dan beliau juga adalah diantara pemikir Islam semasa yang begitu menonjol di masa kini. Sepanjang hidupnya dan seluruh tenaganya dilaburkan untuk perkembangan Islam.

Berdasarkan kepada perkara-perkara di bawah ini dapat dijelaskan sumbangan yang telah diberikan oleh beliau demi kepentingan dan perkembangan Islam di muka bumi ini :

- a. Beliau adalah seorang pensyarah dan pada masa yang sama adalah Ketua Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan di Universiti Qatar. Sebelum itu beliau bertugas sebagai Pengarah Institut Pengajian Agama Menengah di Qatar selama 12 tahun.
  
- b. Sebagai pemidato beliau tidak akan terpisah dari menyampaikan khutbah, peringatan serta majlis ilmu di masjid-masjid. Ini adalah salah satu jalan dakwah yang dipraktikkan oleh beliau secara serius.

Beliau mula berpidato sejak zaman remajanya iaitu semasa beliau menuntut di Institut Agama Islam Rendah dalam usianya 16 tahun. Beliau berkhutbah dan berpidato di mimbar-mimbar masjid di sekitar Madinah seperti Masjid Ali Taha yang kemudiannya dinamakan dengan Masjid Al-Syaykh Yusof. Beliau telah mengimamkan sembahyang Jumaat di masjid tersebut sudah beribu-

ribu waktu. Beliau telah ditegah daripada menyampaikan khutbah pada zaman pemerintah Abdul Naseer.<sup>13</sup>

c. Sesuai dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat kini, Dr. Yusof al-Qardawi tidak ketinggalan menggunakan laman web untuk memperkembangkan dan menyebarkan ilmu Islam.

Idea-idea keislaman dan segala pemikiran beliau boleh dicapai melalui laman web <http://www.qaradawi.net>. Dalam laman berkenaan terdapat lebih kurang 14 sub tajuk yang mendedahkan pandangan dan pemikiran Dr. Yusof al-Qardawi. Ini termasuklah hal-hal mengenai *kutub, khutab wa muhadarat, maqalat, shi'r wa adab, hawl al-Qardawi* dan lain-lain lagi.<sup>14</sup>

Selain daripada itu, beliau juga terlibat dengan dunia penyiaran sebagai jalan dakwah. Beliau terlibat dengan siaran di radio dan televisyen Qatar. Melalui media ini, beliau mengeluarkan fatwa dan menjawab segala persoalan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk Qatar dan kawasan Teluk sejak media ini diperkenalkan di Qatar.

Antara siaran radio yang ke udara adalah *Nur wa Hidayah*, di mana program ini bersiaran selama hampir 10 tahun. Satu lagi program adalah *Huda al-Islam* yang disiarkan di televisyen pada setiap petang hari Jumaat. Program ini juga bermula seiring dengan penubuhan Televisyen Qatar dan ianya berterusan

<sup>13</sup> *Mauqi' al-Qardawi – Nubzat 'an a l-Qardawi*, <http://www.qaradawi.net>, 29 Mac 2002

<sup>14</sup> Zakaria Stapa (2002), "Yusof al-Qardawi : Sumbangan Pemikiran Dalam Dakwah dan Pendidikan" (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Al-Qardhawi di Universiti Malaya, 12-13 Januari 2002), h.4-5

hingga kini. Program ini boleh ditonton di Qatar, Bahrain, dan Arab Saudi. Boleh dikatakan semua siaran televisyen Arab mengadakan satu segmen khas untuk beliau.<sup>15</sup> Melalui program ini tersebarlah pemikiran dan juga pemahaman serta mempunyai pelajar yang meliputi seluruh kawasan Teluk dan juga di Qatar.

d. Segala ucapan dan syarahan beliau semasa perjumpaan di universiti dan juga semasa bertemu dengan masyarakat. Beliau banyak menerima jemputan untuk menyampaikan ucaptama di universiti dan juga jemputan daripada negara-negara luar yang lain. Di antara universiti di sekitar Mesir yang menjemput beliau seperti Universiti Al-Azhar, 'Ain Sham dan Iskandariah. Selain daripada itu Universiti Khurthum, Universiti Sudan dan lain lain lagi.

Beliau pernah memenuhi jemputan ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1996, Universiti Mindanao di Selatan Filipina, Universiti Tokyo, Jepun, Seoul dan juga Korea Selatan.

e. Beliau banyak menyertai muktamar dan nadwah di seluruh dunia. Beliau dijemput untuk membentangkan kertas kerja dan menyampaikan ucaptama dalam pelbagai majlis ilmu.

Di antara muktamar dan nadwah yang pernah beliau hadiri adalah :

i. Muktamar Ekonomi Islam Sedunia di Makkah, anjuran Universiti Al-Malik Abdul Aziz.

---

<sup>15</sup> *Mauqi' al-Qardāwi – Nubzat 'an a l-Qardāwi*, <http://www.qaradawi.net>, 29 Mac 2002

- ii. Muktamar Dakwah dan Persediaan Pendakwah Sedunia (I) di Madinah, anjuran Universiti Islam Madinah.
- iii. Muktamar Fiqh Islam Sedunia di Riyadh, anjuran Universiti Imam Muhammad bin Su'ud Al-Islamiyyah.
- iv. Muktamar Dakwah dan Persediaan Pendakwah Sedunia (II) di Madinah, anjuran Universiti Islam Madinah,
- v. Muktamar Membanteras Arak dan Dadah Sedunia di Madinah, anjuran Universiti Islam Madinah,
- vi. Mahrajan al-Ta'limiy Nadwah Ulama di India,
- vii. Nadwah Tashri' al-Islam di Libya,
- viii. Muktamar Islam dan Perubatan di Kaherah

Banyak lagi program nadwah dan muktamar yang disertai oleh beliau, yang terkini seperti Perhimpunan Majlis Kebajikan Islam Sedunia di Kuwait pada 25 Disember 2001. Antara isu yang hangat diperbincangkan adalah berkaitan dengan peristiwa "11 September" yang terjadi ke atas Amerika Syarikat.

- f. Penulisan makalah dan kajian di dalam majalah-majalah yang dikeluarkan di seluruh pelosok dunia Islam. Di antaranya adalah Al-Azhar, Nur al-Islam, Mimbar al-Islam, Al-Dakwah yang diterbitkan di Mesir, Hadarat al-Islam yang diterbitkan di Damsyik, dan banyak lagi yang tersebar luas di negara-negara luar seperti di Beirut, India, Riyadh, Abu Dhabi, Lubnan dan lain-lain lagi. Melalui majalah-majalah seperti ini tersebarnya fatwa-fatwa, hukum-hakam dan pandangan serta cadangan beliau untuk dimanfaatkan oleh umat Islam.<sup>16</sup>

---

<sup>16</sup> *Mauqi' al-Qardāwi – Nubzat 'an al-Qardāwi*, <http://www.qaradawi.net>, 29 Mac 2002

- g. Karya penulisan ilmiah dan juga majalah kesusasteraan Islam.<sup>17</sup> Dr. Yusof al-Qardawi sangat aktif mengarang. Sehingga kini lebih daripada 100 buah karya yang telah dikarang oleh beliau.

Boleh dikatakan segenap bidang ilmu beliau terokainya. Syaykh Abd al-Aziz al-Bazz menyifatkan beliau sebagai seorang yang mempunyai buah fikiran yang tulen yang tidak mengelirukan dirinya sendiri, tidak *mentaqlid* orang lain, tidak tergelincir atau terbabas daripada perbincangan melainkan untuk memberikan kefahaman, memberikan buah fikiran, menghuraikan sesuatu yang umum, menolak sebarang keraguan atau menjelaskan hikmah dan sebagainya.

Karya beliau mempunyai pelbagai keistimewaan yang didapati setelah meneliti penulisan beliau. Di antara keistimewaannya seperti :

- i. Bersandarkan kepada sumber asli dan tradisi iaitu Al-Qur'ān dan Al-Sunnah dan metodologi *salaf al-salih*. Beliau juga berjaya mengadun dan melembutkan di antara sumber asli dengan permasalahan semasa.
- ii. Karya beliau yang begitu teliti dengan menyepadukan di antara ilmu dan amal dan juga melakukan pembaharuan berdasarkan kepada keduanya.
- iii. Membebaskan daripada unsur-unsur *taqlid*, taasub perkauman dan mazhab.

---

<sup>17</sup> Ahmad 'Abd. Al-Latif al-Jada' dan Husni Adham Jarar (1978), *op cit*, h. 9-10

- iv. Selain daripada itu, karya beliau seimbang dan tidak cenderung atau melampau kepada mana-mana pihak.
- v. Uslub karya beliau dikenali sebagai susunan yang mudah dan menarik iaitu uslub sasterawan yang mahir lagi unggul.
- vi. Tidak terpengaruh dengan serangan-serangan pemikiran daripada musuh-musuh Islam dan tidak melatah dengan isu-isu negatif yang dilemparkan kepada Islam. Beliau berusaha menyucikan segala yang mengelirukan dan menjelaskan kepada masyarakat melalui karyanya dengan susunan yang begitu mudah difahami. Selain daripada itu karya beliau penuh dengan semangat dakwah Islamiyyah dan juga pandangan pembaharuan daripada beliau.<sup>18</sup>

Karya-karya beliau dicetak berulang-ulang kali dalam Bahasa Arab dan diterjemahkan kepada bahasa-bahasa yang lain. Di antara karya-karya beliau yang diterbitkan sehingga kini adalah<sup>19</sup> :

a. *Fiqh* dan *Usul Fiqh* :

1. *Al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*.
2. *Fatāwa al-Muasirah I dan II*.
3. *Taysir al-Fiqh : Fiqh al-Siyām*
4. *Al-Ijtihād fī al-Syariah al-Islamiyyah*

---

<sup>18</sup> *Mawqi' al-Qardhawi - al-Strah al-Tafsiliyyah li al-Qardhawi*, <http://www.qaradawi.net>, 29 Mac 2002 dan lihat Laman Maklumat Isu Semasa, <http://4uikhwan.jeeran.com/tokoh/al-qardhawi.htm>, 30 Oktober 2002

<sup>19</sup> Mohd. Mazhan Tamys (1999), "Teori Pembangunan Belia Islam ; Analisis Pemikiran Dr. Yusof al-Qardawi" (Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 120 – 124. dan lihat Publications : Yusof al-Qaradawi, <http://www.lms.uwindsor.ca/~azhar/LIBRARY/PUBL/Qaradawi.html>, 5 Mac 2002 dan lihat *Mawqi' al-Qardawi - Qaimah Syamilah bi Kutub Al-Saykh al-Qardawi* , <http://www.qaradawi.net> , 29 Mac 2002.

5. *Al-Fatāwa bayna al-Indibat wa al-tasayyub.*
6. *'Awāmil al-Sā'ah wa al-Murunah fī al-Shariah al-Islamiyyah.*
7. *Al-Fikh al-Islamiy bayna al-Asālah wa al-Tajdid*
8. *Al-Ijtihād al-Mu'āsir bayn al-Indibat wa al-Infirāt*
9. *Madkhal li dirāsah al-Shariah al-Islamiyyah.*
10. *Min Fiqh Daulah fī al-Islām*
11. *Nahw Fiqh Muyassar Mu'asir*
12. *Al-Fiqh al-Islāmiy*
13. *Ziwāj al-Musayyar*
14. *Al-Dhawabit Al-Syar'iyyah li bina' al-Masājid*
15. *Fiqh al-Aqlīyyat*

b. Ekonomi Islam

1. *Fiqh al-Zakāt*
2. *Mushkilāt al-Faqr wa kayf 'alājaha al-Islām.*
3. *Bay' al-Murābahah li Amr bi al-Shirā'*
4. *Fawāid al-Bunuk Hiya al-Riba al-Harām.*
5. *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmiy.*

c. Ilmu-ilmu Al-Qur'ān dan Al-Sunnah

1. *Al-Sabr fi al-Qur'ān*
2. *Al-Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'ān*
3. *Tafsir Surah al-Ra'd*
4. *Kayfa Nata'amal ma'a al-Qur'ān al-'Azim*
5. *Kayfa Nata'āmal ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah.*

6. *Madkhal li dirasat al-Sunnah*
  7. *Al-Muntaqa min al-Targhib wa al-Tarhib.*
  8. *Al-Sunnah Masdaran li ma'rifat wa al-Hadarat*
- 
- d. Aqidah Islam
    1. *Wujud Allah.*
    2. *Haqiqat al-Tawhid.*
    3. *Mawqif al-Islami min kufr al-Yahud wa al-Nasara*
    4. *Al-Syafāat*
    5. *Kamālat Allah Al-Ula*
    6. *Al-Imān bi al-Qadr*
  
  - e. *Fiqh al-Suluk*
    1. *Al-Hayat Al-Rabbaniyyah wa al-'Ilm*
    2. *Al-Niyyat wa al-Ikhlas*
    3. *Al-Tawakkal*
    4. *Al-Ta'ibat Ila Allah*
  
  - f. Dakwah dan Pendidikan
    1. *Thaqāfah al-Dā'iyyah*
    2. *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna.*
    3. *Al-Rasul wa al-'Ilm*
    4. *Al-Waqt fī Hayat al-Muslim*
    5. *Risālah al-Azhar bayn al-Ams wa al-Yawm wa al-Ghad*
    6. *Al-Ikhwān Al-Muslimun*

g. Harakah Islamiyah

1. *Al-Sahwah al-Islāmiyyah bayn al-Juhud wa al-Tatarruf*
2. *Al-Sahwah al-Islāmiyyah b ayn a l-Ikhtilaf al-Mashru' wa al-Tafarruq al-Mazmum.*
3. *Al-Sahwah al-Islāmiyyah wa humum al-Watan al-'Arabiyy al-Islāmiyy*
4. *Min Ajli Sahwah Rashidah Tujaddid al-Din wa Tanhud bi al-Dunya*
5. *Ayna al-Khalāl.*
6. *Awlawiyat al-Harakat al-Islamiyyah fī al-Marhalah al-Qadimah*
7. *Fi Fiqh al-Awlawiyat*
8. *Al-Islam wa al-'Ilmaniyyah wajhan li wajh.*
9. *Al-Saqafah al-Islāmiyyah bayn al-Asālah wa al-Mu'āsarah.*
10. *Malāmih al-Mujtama' al-Muslim allazi Nansyuduhu.*
11. *Ghayr al-Muslimin fī al-Mujtama' al-Islāmiyy.*
12. *Shariat al-Islam Salihat li tatbiq fī kulli zamān wa makān*
13. *Al-Ummah al-Islāmiyyah Haqiqat La Wahm*
14. *Al-Hulul al-Mustawradah wa kayfa Janat 'al Ummatina.*
15. *Al-Hall al-Islāmiy Faridat wa Darurat.*
16. *Bayyinat al-Hall al-Islāmiy wa Shubhat al-Ilmaniyyin wa al-Mutaqrribin.*

i. Kesatuan Pemikiran Bagi Petugas Islam

1. *Shumul al-Islam*
2. *Al-Marja'at al-'Ulya fī al-Islam li al-Qur'ān wa al-Sunnah.*
3. *Mawqif al-Islam min al-Ilhām wa al-Kashf wa al-Ra'y wa min al-Kahānah wa al-Tamāim wa al-Ruqa.*

4. *Al-Siyāsah al-Syar'iyyah fī dhau' nusus al-Syariah wa maqasiduhā*

j. Islam Secara Umum

1. *Al-Imān wa al-Hayāt.*
2. *Al-'Ibādah fī al-Islam.*
3. *Al-Khasāis al-'Amah li al-Islam.*
4. *Madkhal li ma'rifat al-Islam*
5. *Al-Islam Hadārat al-Ghād*
6. *Al-Nās wa al-Haq*
7. *Jail al-Nasr wa al-Mashud*
8. *Dars al-Nakħbat al-Thaniyah.*
9. *Khutab al-Shaykh al-Qardawī.*
10. *Qadāya Muasira 'ala Basat al-Bahs.*
11. *Qutuf Daniyah min al-Kitab wa al-Sunnah*
12. *Liqāyat wa Muhawarat hawl Qadaya al-Islam wa al-Asr*

h. Tokoh-tokoh Islam

1. *Al-Imām al-Ghazālī bayn Madihi wa Naqidihī*
2. *Al-Shaykh al-Ghazālī kama 'arafstuhu Rihlah Nisf Qarn.*
3. *Nisa' al-Mu'minat.*
4. *Al-Imām al-Juwainī Imam Al-Haramain.*
5. *'Umar Abdul Aziz Khamis Al-Khulafā' al-Rāsyidīn*
6. *Al-Sayykh Abu Al-Hasan Al-Nadwī kama 'arafstuhu*

i. Sastera dan Syair

1. *Nafahat wa Lafahat – Diwan Syi'r.*
2. *Al-Muslimun Qadimun – Diwan Syi'r.*
3. *Yusof al-Saddiq – Masrahiyah Syi'riyah*<sup>20</sup>
4. *'Alim wa Taghiyah – Masrahiyah Tarikhayah.*

j. Rasail

1. *Al-Din fi 'Asr al-'Ilm*
2. *Al-Islam wa al-Fitan*
3. *Markaz al-Mar'āh fī al-Hayat al-Islamiyyah*
4. *Fatāwa li mar'ah al-Muslimah*
5. *Niqab al-Mar'ah bayn al-Qawl bi Bid'iyyatihi wa al-Qawl bi wujubihī*
6. *Khatr al-Riddah wa Uqubah al-Murtad fī Dhau' al-Kitab wa al-Sunnah*
7. *Al-Aqalliyat al-Diniyyah wa al-hall al-Islami*
8. *Zahirat al-Ghuluw fī al-Tafsīr.*

k. Ucapan (yang dibukukan)

1. *Limāza al-Islam?*
2. *Al-Islam allazi Nad'u ilaihi*
3. *Wajib al-Shabāb al-Muslim*
4. *Muslimāt al-Ghād*
5. *Al-Sahwah al-Islamiyyah bayn al-'Amal wa al-Mahazir*

---

<sup>20</sup> merupakan hasil karya beliau yang pertama sewaktu menuntut di tahun pertama Institut Pengajian Agama Menengah di Tanta, Mesir. Ahmad 'Abd. Al-Latif al-Jada' dan Husni Adham Jarar (1978), *Shu'ara' al-Da'wah al-Islamiyyah fi al-Asr al-Hadith*. Beirut : Muassasah al-Risalah, h. 11

6. *Qimat al-Insan wa Ghayat wujudihi fi al-Islam*
7. *Likay Tanjaha Muassasat al-Zakat fi al-Tatbiq al-Mu'asir.*
8. *Al-Tarbiyyah 'ind al-Imam al-Shatiby*
9. *Al-Sunnah wa al-Bid'ah*
10. *Ma'a al-Mustafa fi Baytih*
11. *Al-Islam kama nu'min bihi*
12. *Insān wa surah Al-'Asr*
13. *Al-Salām al-Mustahil bayna al-'Arab wa Israel*
14. *Al-Islam wa al-Muslimun wa 'ulum al-mustaqlbal 'ala I'tab al-qarn al-qadim*
15. *Durus min qhazwah al-Badr*
16. *Dawr al-Mar'ah al-Muslimah fi al-Sahwah al-Islamiyyah*

Beliau juga bekerjasama di dalam menyusun buku bagi pihak Kementerian Pendidikan Qatar dan Maahad Agama Khas dan pihak kementerian memperakui bahawa penyusunan tersebut mencakupi mata pelajaran tafsir, hadith, akhlak, tauhid, fekah, kemasyarakatan Islam dan pengkajian Islam falsafah dan akhlak.

## 2.9 KESIMPULAN

Melihat kepada riwayat hidup Dr. Yusof al-Qardawi dan juga kegiatan-kegiatan keilmuan beliau, sudah pasti dapat digambarkan bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi. Kehidupan beliau penuh dengan agenda keilmuan sama ada melalui kaedah tradisional ataupun kaedah moden dan terkini.

Sifat keterbukaan dan kemahiran mengadun di antara permasalahan semasa dengan apa yang telah ditetapkan dalam hukum Islam menonjolkan lagi ketokohan beliau dalam ilmu Islam. Ini dapat dilihat dan dibuktikan melalui hasil karya beliau dan yang lebih jelas lagi adalah fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh beliau.

Di atas segala keistimewaan dan kelebihan beliau inilah yang menarik minat penulis untuk mengkaji dan meneliti pemikiran beliau terhadap peradaban manusia menerusi karya beliau *Al-Islam : Hadarat al-Ghad*.